KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	UMUM			



KERAJAAN perlu akur bahawa kekerapan bencana alam berpunca daripada aktiviti manusia yang tidak terkawal. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Banjir: Janganlah salahkan alam

SAUDARA PENGARANG,

HARI demi hari, kita dikejutkan dengan pelbagai jenis ancaman alam termasuk cuaca panas melampau pada awal tahun lepas sehingga sekitar September lalu berikutan fenomena gelombang haba luar biasa sehingga Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan Amerika Syarikat (NOAA) merekodkan suhu permukaan laut tertinggi pada Julai dalam 142 tahun.

Sementara kejadian banjir yang melanda baru-baru ini dilaporkan antara yang terburuk dalam sejarah bencana di Malaysia sejak 1971.

Pada pendapat saya, kekerapan berlaku bencana alam sejak kebelakangan ini bukanlah kerana faktor semula jadi tetapi berpunca daripada kerakusan manusia yang sanggup mengeksploitasi bumi dan merosakkan alam sekitar dengan aktiviti yang mungkin menguntungkan untuk jangka masa pendek tetapi menyebabkan kerugian dari segi kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda serta mengakibatkan kemusnahan alam yang kekal selamanya.

Antaranya penggondolan kawasan tadahan hujan, kepincangan perancangan guna tanah dan pencemaran tidak terkawal. Aktiviti pembalakan semakin tahun semakin membimbangkan menyebabkan litupan hutan kian menyusut di kawasan tadahan hujan. Kesan pembangunan yang tidak lestari juga boleh mengakibatkan berlakunya pelbagai bencana alam khususnya di kawasan tanah lembap seperti tanah bencah, paya dan tasik.

Aktiviti pembandaran yang tidak terancang juga adalah antara faktor utama berlakunya banjir dan sering dikaitkan dengan kemusnahan kawasan tadahan air. Hutan mempunyai fungsi yang sangat penting untuk menghalang daripada berlakunya bencana banjir.

> **"Aktiviti pembandaran yang tidak terancang juga adalah antara faktor utama berlakunya banjir dan sering dikaitkan dengan kemusnahan kawasan tadahan air."**

Pencemaran sampah, kayu dan batu dalam sistem saliran air juga menyebabkan banjir. Di samping itu, aktiviti manusia yang semakin rancak terutama di kawasan bandar mempengaruhi sistem peraturan iklim semula jadi dan menyebabkan pelbagai kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, sistem pengurusan risiko negara mesti dikaji semula dengan kadar segera untuk memastikan peristiwa banjir tidak berulang. Jadi, kerjasama antara agensi penting untuk mengenal pasti serta meneliti langkah dalam menangani isu ini dengan lebih strategik dan berstruktur.

Pada masa sama, program kesedaran awam perlu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat bagi menghadapi bencana agar bersedia dan peka terhadap amaran yang dikeluarkan kerajaan. Selain itu, mereka juga perlu mengetahui kesan di sebalik setiap tindak-tanduk mereka di muka bumi ini.

MOGESH SABABATHY
Aktivis alam sekitar

Utusan
17.1.2022_18